



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**22 APRIL 2017 (SABTU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - MPAJ titik berat isu integriti libatkan kakitangan | 42 |
|--|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**22 APRIL 2017 (SABTU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ titik berat isu integriti libatkan kakitangan
Muka Surat	42

**MPAJ titik berat isu integriti  
libatkan kakitangan** SH 22/4/2017  
m/s 42

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) amat menitikberatkan mengenai isu-isu yang melibatkan integriti di kalangan warga kerja MPAJ.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, sebanyak 12 kes tindakan tatatertib telah dilaksanakan, di mana terdapat tiga kes yang melibatkan hukuman buang kerja dan tamat perkhidmatan pada tahun lalu.

"Saya sentiasa ingatkan warga kerja MPAJ... jalankan tugas dengan semangat setia, berintegriti, profesional dan mengutamakan pelanggan, serta mengamalkan nilai akauntabiliti serta keberkesanan hasil kerja cemerlang" katanya.

Beliau berkata, MPAJ juga menyahut saranan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan akan menandatangani ikrar integriti korporat di Peringkat Ketua Jabatan dalam usaha menyokong pencegahan rasuah di kalangan penjawat awam.

"Penekanan dan inisiatif sesebuah organisasi dalam menerapkan integriti dalam etika kerja sememangnya bertepatan dengan iltizam kerajaan pada hari ini.

"Semua pegawai dan kakitangan diingatkan supaya menghindari perlakuan rasuah dan salah guna kuasa," katanya.

Menurutnya, warga kerja MPAJ perlu sentiasa bersiap siaga, berfikiran terbuka untuk melakukan anjakan paradigma yang selari dengan perubahan persekitaran.

"Ekspektasi pelanggan dan stakeholder terhadap perkhidmatan awam semakin tinggi dan ini sudah tentu perlukan kita sentiasa responsif, cekap, cepat dan berkesan dalam memenuhi permintaan rakyat," katanya.



ABD HAMID